



UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 2, 2019/2020

REFLEKSI

AHLI KUMPULAN:

| NAMA | NO. MATRIK |
|--|------------|
| 1. AHMAD AIMAN HAFIZI BIN MUHAMMAD | A20EC0177 |
| 2. NUR IZZAH MARDHIAH BINTI RASHIDI | A20EC0116 |
| 3. MAIZATUL AFRINA SAFIAH BINTI SAIFUL AZWAN | A20EC0204 |
| 4. FARAH IRDINA BINTI AHMAD BAHARUDIN | A20EC0035 |
| 5. YONG ZHI YAN | A20EC0172 |
| 6. LEE CAI XUAN | A20EC0062 |

DISERAHKAN KEPADA:

DR. FAIZAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

| KRITERIA | MARKAH |
|------------------|------------|
| KANDUNGAN | /13 |
| SUSUNAN/STRUKTUR | /5 |
| CARA PENULISAN | /2 |
| TOTAL | /20 |

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| REFLEKSI | 3 |
| BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN | 4 |
| BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA | 6 |
| BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU | 9 |
| BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT | 15 |
| BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL | 18 |
| BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA & PERADABAN DI MALAYSIA | 21 |
| BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA & KOMUNIKASI KONTEMPORARI | 25 |
| BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG | 26 |
| TANGGUNGJAWAB SOSIAL | 26 |
| BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN | 28 |
| RUJUKAN | 29 |

REFLEKSI

Pertama sekali, kami berasa bersyukur kerana diperkenalkan dengan subjek ini oleh Dr. Faizah Binti Mohd Fakhruddin kerana pembelajaran kami dari awal semester hingga ke akhirnya adalah sangat menarik dan penjelasannya terhadap semua topik adalah sangat jelas dan mudah difahami. Pada mulanya, kami tidak mempunyai apa-apa idea dan ekspektasi untuk subjek ini. Namun, setelah mempelajari setiap bab dan topik dalam subjek ini, kami sedar bahawa subjek ini sangat penting dan mustahak untuk semua warganegara Malaysia. Hal ini kerana subjek ini banyak menyentuh tentang penghayatan etika dan peradaban yang bersesuaian dengan rakyat Malaysia. Selain itu, kami berasa kagum dan bangga dengan pembangunan awal Malaysia kerana subjek ini juga mengupas tentang kronologi sejarah-sejarah seperti revolusi tamadun, pembawaan masuk agama ke Malaysia, perlumbagan dan undang-undang Malaysia yang termaktub kepada warganegaranya, hubungkait setiap topik dengan nilai-nilai etika dan sebagainya. Oleh kerana subjek ini banyak menyentuh tentang etika-etika atau cara hidup yang ideal, semangat kemasyarakatan dan perpaduan kami lebih kuat dan utuh kerana lebih menyedari bahawa negara Malaysia ini adalah negara yang unik dengan kepelbagaiannya budaya, warisan, kaum dan agamanya. Oleh yang demikian, semangat kemasyarakatan itu sangat dituntut agar menjadi lebih memahami dan menghormati antara satu sama lain bagi mengekalkan dan melestarikan keharmonian Malaysia. Di samping itu, kami rasa lebih yakin dan berpendirian teguh untuk membawa diri ini kerana telah mendalamai dan menguasai cara menjalani kehidupan yang beretika.

BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Etika merupakan satu keperluan yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian kita sama ada seseorang individu atau masyarakat. Terdapat pelbagai definisi etika berdasarkan peradaban lain seperti Barat, India, China dan Arab. Konsep tersebut pula terbahagi kepada beberapa perspektif iaitu individu itu sendiri, masyarakat sekeliling, negara dan global. Etika dan peradaban merupakan dua konsep yang berbeza tetapi ‘bergerak seiringan’ di mana etika turut wujud jika peradaban wujud. Socrates, Plato dan Aristotle yang merupakan tokoh-tokoh falsafah awal dunia telah mengulas tentang kedua-dua konsep ini iaitu konsep etika dan peradaban. ‘Republic’ yang merupakan salah satu karya Plato yang popular dan Aristotle dengan karyanya iaitu ‘Magna Moralia’.

Terdapat beberapa pengajaran dan nilai yang boleh diambil sebagai iktibar dalam ilmu etika dan peradaban ini. Pertama sekali kita dapat lihat terdapat beberapa tamadun yang ada di dunia ini mempunyai persamaan terutamanya dalam hal berkaitan etika dan peradaban dan ini menunjukkan betapa pentingnya etika dalam kehidupan manusia sebagai panduan hidup untuk mendidik kita untuk sentiasa berkelakuan baik dan mempunyai sifat kemanusiaan. Selain itu, kita dapat lihat etika-etika dalam setiap tamadun itu amat mementingkan tingkah laku masyarakat mereka dan cara masyarakat mereka berfikir untuk membezakan perbuatan yang baik atau buruk dan akibat yang akan berlaku seterusnya. Nilai-nilai murni yang boleh diambil sebagai pengajaran adalah nilai keadilan. Adil bermaksud tidak menyebelahi mana-mana pihak dengan erti kata lain tidak berat sebelah seperti ibu bapa yang hendaklah berlaku adil terhadap anak-anak mereka dan tidamelebihkan sesiapa. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Sebagai contoh, situasi di mana seorang doktor perlu membuat keputusan yang wajar untuk menyelamatkan semua penyakitnya tetapi beliau kekurangan bekalan darah. Maka dengan prinsip etika yang ada dalam dirinya, beliau membuat keputusan yang adil dan wajar untuk mengutamakan pesakit-pesakitnya yang memerlukan darah dengan segera. Selain daripada itu, nilai kejujuran juga dapat dijadikan pengajaran. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, jujur bermaksud kelurusian hati dan ketulusan hati. Nilai kejujuran ini merupakan salah satu prinsip etika dan peradaban yang utama, Hal ini kerana, nilai kejujuran ini berkait rapat dengan sikap

tanggungjawab seseorang individu itu kerana nilai kejujuran dalam diri seseorang itu turut membawa nilai amanah yang akan menimbulkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka. Semua nilai-nilai ini memainkan peranan masing-masing dalam memimpin masyarakat ke arah kebaikan dan meninggalkan perbuatan buruk yang akan meninggalkan kesan yang besar dalam diri mereka.

Pada era globalisasi dan penuh teknologi ini, segala maklumat yang diinginkan hanya berada di hujung jari kita. Terlalu banyak dan tinggi teknologi ini menyebabkan segala maklumat yang berada di internet tidak boleh percaya sepenuhnya dan perlu mencari sumber-sumber yang dipercayai serta membuat kajian terlebih dahulu daripada sumber-sumber lain. Hal ini demikian kerana, banyak informasi dan maklumat dimanipulasi oleh orang yang tidak bertanggungjawab yang akan mengakibatkan ramai masyarakat sekarang terpedaya. Oleh itu, ini adalah salah satu cabaran semasa menyediakan dan menyelesaikan tugas ini kerana pada era pandemik sekarang ini telah terhadkan pergerakan untuk mencari sumber-sumber informasi yang lain dan menyebabkan semua informasi perlu dicari melalui artikel-artikel di internet dan ini menyukarkan pelajar untuk memastikan sama ada maklumat yang dikumpulkan adalah benar atau palsu. Selain daripada itu, seperti yang kita semua sedia maklum, penyediaan tugas ini adalah semasa berlakunya musim tengkujuh dan cuaca yang tidak menentu. Oleh sebab itu, banyak kawasan yang terlibat mempunyai masalah internet lebih-lebih lagi kawasan di luar bandar dan pedalaman. Hal ini menyukarkan pelajar-pelajat tersebut untuk mencari maklumat penting untuk menyiapkan tugas ini terutamanya pada hari ini seluruh dunia terlibat dengan pandemik COVID-19.

BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

‘Philosophy’ merupakan perkataan bahasa Inggeris yang membawa maksud falsafah dan ia merupakan gabungan dua perkataan Greek iaitu ‘philia’ dan ‘sophia’. ‘Philia’ bermaksud cinta atau persahabatan manakala ‘sophia’ bermaksud kebijaksanaan. Teori-teori etika ini menerangkan tentang tanggungjawab dan peranan kita sebagai manusia menjalani kehidupan seharian dan tingkah laku manusia yang betul atau salah. Teori - teori etika boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu Teori Etika Klasik dan Teori Etika Moden. Teori Etika Klasik terdiri daripada teori kebaikan dan teori teleologi manakala Teori Etika Moden terdiri daripada teori deontologi, teori keadilan dan teori hak asasi.

Terdapat beberapa moral atau pengajaran yang boleh dipelajari di dalam tajuk teori-teori etika ini dan salah satu daripadanya ialah kita perlulah mengetahui bahawa semua individu dan masyarakat mempunyai etika yang tersendiri. Semua teori-teori etika ini dapat memimpin kita sebagai manusia yang sering melakukan kesilapan sama ada sedar atau tidak sedar ke arah yang lebih baik tidak kira dari segi perwatakan atau kualiti seseorang individu itu. Semua perkara dan aktiviti yang dilakukan di dunia ini perlukan panduan yang tersendiri untuk sampai ke titik akhir dan begitulah juga manusia yang asalnya mempunyai sifat dinamik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dinamik bermaksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Hal ini telah menunjukkan manusia memerlukan teori-teori etika untuk menguruskan kehidupan seharian. Pengajaran seterusnya yang kita boleh pelajari ialah teori-teori etika ini tidak diaplikasikan kepada rakyat marhaen sahaja malah ia juga diaplikasi kepada orang-orang atasan seperti para pemimpin dan ia juga tidak bergantung pada usia, kaum, agama dan kepercayaan. Golongan atasan seperti pemimpin mempunyai teori-teori etika yang tersendiri yang perlu difahami dan diamalkan. Sebagai contoh mereka perlu membuat keputusan dan tindakan yang sewajarnya tanpa mementingkan diri sendiri seperti kata-kata George Bernard Shaw yang mengatakan bahawa mementingkan diri sendiri, hasad dengki dan tidak puas hati adalah perkara yang tidak akan membawa kebahagiaan dalam kehidupan (George Bernard Shaw, 1925).

Selain daripada itu, terdapat juga nilai-nilai murni yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian. Di dalam teori kebaikan terdapat nilai keberanian iaitu sikap sederhana atau patuh kepada undang-undang untuk mencapai matlamat. Perasaan yakin akan diri sendiri ketika melakukan sesuatu perkara contohnya berani bersuara untuk memperbetulkan keadaan di mana berlakunya perselisihan faham. Maka dengan itu sikap berani ini dibenarkan. Nilai yang kedua ialah nilai adil. Hal ini menunjukkan teori-teori etika ini tidak menyebelahi mana-mana pihak dan bersifat neutral sebagai contoh setiap lapisan masyarakat mempunyai teori-teori etika yang tersendiri yang perlu diikut. Sebagai contoh pemimpin mempunyai etika yang sepatutnya sebagai seorang pemimpin dan rakyat yang lain mempunyai etika yang tersendiri dalam menjalankan kehidupan seharian. Sebagai contoh, kita dapat lihat pada hari ini iaitu seluruh dunia mengalami pandemik COVID-19 dan seluruh lapisan masyarakat perlu mematuhi langkah-langkah penjagaan seperti yang telah diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, nilai bantu-membantu juga dapat dipelajari.

Terdapat beberapa cabaran dan masalah yang dihadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini. Seperti yang semua orang sedia maklum, kita semua sekarang berada pada era pandemik serta segala pergerakan telah diperketatkan dan hanya urusan rasmi dan mendapat kebenaran hanya dibenarkan untuk bergerak. Oleh sebab itu, proses untuk menyiapkan tugas ini memerlukan beberapa sumber dari buku, artikel dan sebagainya tetapi malangnya disebabkan pergerakan yang terhad segala sumber hanya boleh didapati menggunakan internet untuk mencari bahan-bahan di atas talian. Selain daripada itu, perbincangan sesama ahli kumpulan juga terhad disebabkan pembelajaran sekarang dijalankan di tempat tinggal masing-masing dan hanya boleh berbincang di atas talian menggunakan aplikasi seperti Whatsapp, Telegram dan lain-lain. Aktiviti ini menimbulkan ketidakselesaan pada setiap ahli oleh kerana sebelum berlakunya pandemik semua aktiviti berkumpulan dapat diselesaikan dengan lebih pantas dan lebih selesa untuk berbincang apabila berjumpa secara bersemuka antara satu sama lain. Akhir sekali, maklumat palsu yang lebih banyak daripada maklumat yang benar yang telah menyukarkan pelajar-pelajar mencari maklumat bagi menyediakan dan menyiapkan tugas ini. Oleh itu, pelajar perlu membuat kajian dan memerlukan masa yang lebih untuk memastikan bahawa segala maklumat yang disampaikan adalah benar dan juga dari sumber yang benar.

BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU

Pada bahagian mukadimah dalam bab 3 ini, telah dijelaskan tentang keistimewaan-keistimewaan tamadun Islam serta ‘*akhlaq*’ dan kepentingannya sebagai teras kehidupan manusia. Sejurus dengan itu, konsep ‘*khalafah fil ardh*’ yang menjelaskan tentang matlamat sebenar hidup seorang manusia ini ialah menjadi khalifah di atas bumi diperkenalkan. Pelantikan khalifah merupakan suatu keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada sekalian manusia kerana ianya bersifat khusus kepada manusia sahaja dan bukan makhluk ciptaan Allah yang lain seperti malaikat dan jin. Oleh yang demikian, Allah SWT telah memberikan tanggungjawab dalam mensejahterakan alam ini kepada manusia. Menyedari hakikat tersebut, manusia wajarlah melaksanakan tanggungjawabnya dengan sehabis baik melalui penerapan ilmu pengetahuan.

Secara tidak langsung, konsep ini telah mengingatkan kita kepada tauladan yang dibawa oleh arwah Ahmad Ammar bin Ahmad Azam tentang perjalanan kehidupannya yang bersifat Rabbaniyyah (ketuhanan). Arwah telah meninggal dunia ketika umurnya 20 tahun akibat kemalangan jalan raya di Turki. Namun, dalam jangka hayatnya itu, arwah telah banyak bergiat dalam aktiviti dakwah serta terkenal dengan keperibadiannya yang mulia. Beliau juga nekad dalam mempelajari dan mendalami ilmu agama dan sejarah Islam, justeru membenarkan jenazahnya disemadikan bersebelahan dengan makam Saidina Abu Ayub al-Ansari, sahabat Rasulullah SAW. Pemergiannya itu disifatkan sebagai syahid yang tertangguh. Sehubungan dengan itu, ibu beliau mengujar bahawa “Ketika membesar arwah Ahmad Ammar, beliau telah menekankan visi wawasan ummati yang pada akhirnya akan memberi manfaat kepada agama Islam, selain daripada menfokuskan tentang ketinggian adab kepada Tuhan, Rasul dan Ulama’ serta mengajar anak-anaknya tentang sejarah Islam agar penghayatan dan semangat mereka untuk memperjuangkan Islam itu sentiasa terkobar-kobar.”(GHANI, 2013)

Melalui penghayatan dalam mukadimah ini yang menyentuh tentang tujuan asas manusia ini diciptakan, menyedari secara tidak langsung, kita menyoal diri sendiri tentang tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi ini. Tanggungjawab dalam mensejahterakan alam ini kedengaran sungguh berat, lebih-lebih lagi dengan keadaan dunia yang semakin hiruk-pikuk.

Tanggungjawab ini apabila digabungkan dengan konsep Rabbaniyah dapat melahirkan individu yang seimbang dari aspek duniawi dan ukhrawinya. “Untuk mengimbangkan secara sempurna itu bukan mudah, namun bukan juga mustahil. Apa yang dilihatkan adalah usaha dan kegigihan untuk mencuba dan terus mencuba dalam memperbaiki diri.”, monolog kita kepada diri sendiri.

Seterusnya, mengenai pengajaran daripada kehidupan arwah Ahmad Ammar dan pedoman ibunya dalam membesar anak-anaknya berkait rapat dengan peribahasa “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Jika diperhatikan, kehidupan arwah dibentuk untuk lebih cenderung kepada Islamiyah dan begitulah cara yang sewajarnya untuk ibu bapa Muslim membentuk sahsiah anak-anak mereka. Secara peribadi, kita sangat bersyukur untuk dilahirkan dalam keluarga yang menerapkan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian. Hal ini sering mengingatkan kita untuk tidak menilai budi pekerti seseorang berdasarkan kekuatan agamanya kerana keberadaan seseorang individu dalam komuniti yang menerapkan ajaran agama merupakan salah satu rezeki, dan setiap individu mempunyai rezeki yang berbeza. Namun, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak beriman sekaligus menerangkan bahawasanya penerapan nilai-nilai agama sejak dari kecil lagi adalah sangat mustahak.

Seterusnya, dalam bab 3 ini juga menyentuh tentang fitrah kejadian manusia yang bersifat bersih, suci dan menyukai kebaikan melalui empat prinsip utama dalam Islam. Sifat semulajadi manusia atau fitrah ini dapat diterangkan dengan lebih mudah melalui pepatah “Setiap anak yang dilahirkan itu adalah umpama kain putih, ibu bapalah yang bertanggungjawab mewarnakan dan mencorakkannya”. Sesungguhnya, sejurus seorang anak kecil itu dilahirkan, ibu bapalah yang menjadi peneman hidup dan rakan baik mereka yang pertama. Oleh itu, terbuktilah peranan ibu bapa dalam membesarkan anak-anak adalah sangat penting kerana anak-anak sepenuhnya bergantung kepada mereka. Namun kehidupan bukanlah seringkas itu, kedatangan anasir-anasir jahat yang bersifat ‘sayyiat’ (perbuatan buruk) akan cuba untuk mencemarkan kain putih (fitrah) anak-anak ini.

Hal ini dapat diperhatikan daripada kejadian yang dilaporkan pada 11 Disember 2020 melalui rencana yang diterbitkan oleh Utusan Malaysia berkaitan seorang kanak-kanak berusia 12 tahun disyaki meliwat anak saudaranya yang berusia 4 tahun (NAWI, 2020). Kejadian ini sungguh

tragis dan menakutkan. Melalui kejadian ini, kita boleh menyifatkan bahawa fitrah kanak-kanak itu sudah terjejas kerana terlangsungnya perbuatan yang buruk daripadanya. Kes liwat yang berkait rapat dengan seksual ini boleh dikategorikan sebagai perbuatan yang berat kerana menyalahi fitrah seksual manusia dan sifat semulajadi manusia yang suci, lebih-lebih lagi kerana usia pemangsa dan mangsa yang sangat muda.

Kita sedar dan cakna tentang penularan isu-isu yang melibatkan perbuatan tidak senonoh dan songsang ini di Malaysia yang semakin parah dari hari ke hari, biarpun dari peringkat kanak-kanak mahupun dewasa. Pada pendapat kita, kesalahan dari segi tingkahlaku pada peringkat kanak-kanak ini sememangnya berpunca dari kecuaian dari pihak orang tuanya dalam mendisiplinkan dan mengawasi anak mereka. Pada peringkat tumbesaran manusia yang paling pesat, pengawalan dan ketegasan sangat diperlukan kerana pada masa inilah sifat meneroka dan rasa ingin tahu terhadap dunia itu tinggi. Selain itu, melihat pada keadaan dunia pada hari ini yang mempromosikan pemikiran yang bersifat lebih terbuka dan bebas atau ‘liberalisme’ memberikan impak yang signifikan kepada pemikiran manusia dengan seolah-olah membenarkan kehidupan tanpa peraturan dan undang-undang. Sebagai contoh, isu puak LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender) yang baru-baru ini semakin rancak memperjuangkan hak mereka yang ternyata melanggar sifat fitrah manusia sebenarnya adalah dilarang keras bukan sahaja dalam Al-Quran, malah kitab-kitab tauhid agama Yahudi dan Kristian yang asli (BACKER, 2019). Oleh yang demikian, kita sedar bahawa penekanan dalam mendalami ilmu agama dan menjalani kehidupan yang beretika dan bertata susila perlu dipandang berat.

Selain itu, nilai-nilai etika dalam Islam juga (amanah, tolong-menolong, pemurah dan sabar) telah disentuh dalam bab 3 ini. Pertama sekali, amanah boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu amanah terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW, amanah terhadap diri sendiri dan amanah terhadap orang lain.

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan isu kartel daging import haram yang telah berlarutan selama 40 tahun yang sememangnya telah mencemarkan kredibiliti logo halal di Malaysia. Lebih-lebih lagi, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pernah mengiktirafkan Malaysia sebagai negara yang terbaik di dunia dalam pengendalian produk-produk halal melalui ‘the Codex

Alimentarius Commission', Geneva 1997. Isu ini masih lagi di dalam siasatan dan terdapat banyak artikel-artikel yang cuba merungkaikan bahawa siapakah yang patut kita salahkan? Di dalam sebuah artikel yang berjudul 'Isu Daging Puncanya Rasuah' terbitan Sinar Harian telah mengujar bahawa faktor terjadinya kes daging kartel import haram ini adalah disebabkan rasuah dan pihak-pihak yang berkelakuan tidak jujur dan amanah. Penulis artikel mengujar lagi "Ada penguat kuasa yang korup. Ada pentadbir yang tutup sebelah mata perbuatan kartel yang berjalan sejak bertahun-tahun" (SERPIH, 2020).

Ini adalah salah satu contoh yang boleh diketengahkan tentang isu yang berkait rapat dengan 'amanah terhadap Allah SAW dan Rasulullah dan amanah terhadap orang lain'. Kesalahan rasuah merupakan kegiatan yang mengkhianati amanah seseorang kerana bertindak melepaskan diri daripada tanggungjawab yang telah diberi dengan pemberian wang, keraian dan sebagainya kepada pihak-pihak yang tertentu. kita bersepandat bahawa amanah yang dipikul seharusnya dijalankan bersungguh-sungguh dan sedaya upaya, sekaligus mengambil pengajaran daripada isu kartel daging ini, bahwasanya pengkhianatan terhadap amanah memberikan impak yang besar kepada orang ramai dan kita tidak sewajarnya mementingkan kesenangan diri sendiri. Terdapat kata-kata hikmah yang berbunyi 'kepercayaan itu seperti selembar kertas, sekali sahaja dia teramas dan kusut, dia tidak bisa sempurna lagi'. Oleh yang demikian, jalankan amanah dengan sebaiknya agar kepercayaan yang diberikan kepada kita terpelihara.

Akhir sekali, bab 3 ini telah memberi penekanan terhadap nilai-nilai etika dalam masyarakat Melayu. Agama Islam dan masyarakat Melayu saling berkait rapat kerana kedatangan Islam pada zaman dahulu telah mempengaruhi cara hidup masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Nilai-nilai etika tersebut termasuklah berbudi pekerti dan berbudi bahasa, memuliakan ibu bapa dan orang tua, kesetiaan kepada pemimpin, mempertahankan serta membela keadilan, mementingkan maruah, bermuafakat dan memelihara amanah.

Berikutan dengan arus pemodenan yang pesat dan penciptaan teknologi yang membolehkan kita berhubung di mana dan bila-bila sahaja, nilai kesantunan dalam berkomunikasi melalui sosial media diperlihatkan semakin tercalar dari semasa ke semasa. Di dalam artikel keluaran Astro Awani yang bertajuk "'Wa', 'Lu', 'kencing', 'Bro' dan tersalah emoticon: Cabaran kesantunan

dalam media sosial’ ada menjelaskan tentang unsur-unsur kesopanan dan kesantunan dalam komunikasi semakin pudar dalam kalangan masyarakat. Kata penulis lagi, “Ianya tidak menjadi satu kesalahan untuk menyapa kenalan rapat kita dengan ‘sis’, ‘bro’ dan sebagainya. Namun, jika kita berhubung dengan individu-individu yang terhormat di media sosial, penggunaan dan pemilihan kata harus dijaga kerana kita seharusnya hormat-menghormati dan tidak terlalu beremosi dalam berbicara” (Halid, 2020). Hal ini barangkali berpunca daripada anggapan media sosial sebagai wadah peribadi. Namun begitu, kita masih tidak boleh lari daripada bertindak secara sopan santun kerana ianya selari dengan salah satu nilai etika dalam masyarakat Melayu iaitu berbudi pekerti dan berbudi bahasa serta termasuk dalam prinsip rukun negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan. Jika difikirkan, orang-orang Melayu zaman dahulu sangatlah menjaga kesopanan mereka sehingga apabila cuba untuk menegur tentang salahlaku seseorang, mereka menyampaikannya dalam bentuk pantun atau kata-kata indah. Hal ini juga bagi memelihara perasaan orang yang diberi teguran tersebut.

Oleh yang demikian, kita sebagai generasi Z tidak menafikan hal ini. Di media sosial, dari hari ke hari, perkataan baharu atau ‘*slang*’ pasti akan tercipta dan individu yang tidak menggunakan diaanggap seperti katak di bawah tempurung. Hal ini semestinya memberi impak kepada penggunaan dan penguasaan Bahasa Melayu seseorang itu kerana apabila bahasa rojak telah digunakan dalam kehidupan seharian, bahasa baku Melayu akan lama-kelamaan ditelan zaman dan dilupakan. Menyedari hakikat itu, kita bercita-cita untuk menggunakan platform media sosial dengan perkataan-perkataan dan perbicaraan yang baik dan sopan, serta mengimplementasikan ilmu Bahasa Melayu sebenar yang dipelajari di sekolah rendah dan sekolah menengah dalam kehidupan seharian. Aksi ini diharapkan dapat memberi motivasi dan kesedaran kepada orang lain juga secara tidak langsung.

Topik Etika Dalam Kepelbagaian Tamadun: Islam & Melayu ini mengimbas dan mengingati kembali fakta tentang falsafah tamadun Melayu yang bersangkut paut dengan agama Islam. Secara intelektualnya, topik ini telah mengajar nilai-nilai etika di dalam Islam dan bagaimana ia telah menjadi sumber etika bagi peradaban melayu. Selain itu, melalui topik ini juga telah dinyatakan nilai-nilai etika di dalam masyarakat Melayu. Sementara itu, secara psikologinya, topik ini telah menunjukkan kita perspektif yang baharu dalam menjalani kehidupan. Jika sebelum ini, kita sibuk dalam urusan duniawi dan sibuk menambah baik diri untuk penerimaan

dunia seperti mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang dituntut di alam pekerjaan kelak, topik ini berjaya untuk membuka mata kita untuk melihat alam ini dari sudut kaca mata yang berlainan. Topik ini telah menggalakkan kita untuk kembali ke akar umbi (*back-to-basic*) seperti menyedarkan kita tentang peranan kita sebagai seorang khalifah, nilai-nilai murni yang dituntut oleh Islam dan masyarakat Melayu.

Salah satu cabaran yang kami hadapi adalah kesukaran untuk berhubung sesama ahli kumpulan, walaupun kami mempunyai ‘*Whatsapp group*’ antara ahli kumpulan. Jika ada peluang untuk berhubung secara bersemuka, kami pasti dapat menyempurnakan tugas ini dengan lebih baik kerana dengan cara begitu, kami dapat berkongsi pengalaman serta pengetahuan sendiri tentang setiap bab antara ahli kumpulan. Oleh itu, refleksi ini dapat didalami dengan lebih baik kerana pada kebiasaannya pengalaman dan pengetahuan sendiri adalah lebih bermakna dan rasa lebih realistik atau dekat dengan diri sendiri.

BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT

Bab ini menceritakan tentang tamadun cina, india dan barat. Terdapat pelbagai moral, nilai murni, kualiti serta kemahiran yang terselit dalam ketiga-tiga tamadun ini. Dalam tamadun cina, terdapat lima sifat mulia iaitu dalam bahasa cina membawa maksud *Wu Chang*, yang dapat kita pelajari. Antaranya ialah peri kemanusiaan atau dalam bahasa cina disebut sebagai *ren*. Sifat ini merupakan teras bagi akhlak mulia manusia. Hal ini demikian kerana ia tercetus daripada konsep kemanusiaan. Ia juga merupakan dasar kepada setiap hubungan sesama manusia. Orang yang mempunyai sifat ini sentiasa menghulur bantuan kepada orang lain daripada mementingkan diri sendiri. Sifat yang sanggup berkorban ini dapat mengajar kita untuk tidak mementingkan diri kerana bukan diri kita sahaja yang berpijak di bumi ini. Beberapa hari lepas, Malaysia telah digemparkan dengan berita kematian seorang remaja lemas akibat penat menolong mangsa banjir yang terlibat di Kuala Krai. Kematian remaja ini mengajar bahawa walaupun sifat berkorban merupakan sifat yang penting, namun ia bukan bermaksud kita abaikan keperluan diri sendiri.

Selain itu, sifat *yi* iaitu kebenaran ataupun keadilan juga merupakan antara sifat mulia tamadun cina. Orang yang mempunyai sifat ini mempunyai kebolehan untuk membezakan antara perkara yang baik dan yang buruk. Sifat ini mengajar kita untuk bercakap benar walaupun ianya pahit untuk diterima oleh semua orang. Hal ini demikian kerana penipuan dapat menimbulkan isu salah faham antara dua pihak. Seterusnya, sifat *li* iaitu kesopanan dan kesusilaan juga antara sifat mulia tamadun cina. Sifat ini juga merangkumi aspek ritual atau pelaksanaan upacara-upacara serta set-set nilai yang merupakan panduan untuk tatatertib yang betul. Kita hendaklah mengamalkan sifat kesopanan kerana ia melambangkan personaliti diri kita sendiri kerana antara faktor untuk seseorang itu mendekati kita ialah sifat kesopanan ini.

Di samping itu, *chih* atau *zhi* yang bermaksud kebijaksanaan dalam bahasa melayu merupakan antara sifat mulia. Masyarakat akan memandang tinggi terhadap individu yang mempunyai sifat ini. Hal ini demikian kerana individu ini mempunyai kebolehan membuat keputusan untuk bertindak, bersikap futuristik serta mengambil kira kebarangkalian situasi atau impak yang bakal dialaminya daripada tindakannya. Oleh itu, kita hendaklah mempunyai sifat ini

agar dipandang tinggi oleh masyarakat serta mempunyai sukses pada masa hadapan. Akhir sekali, sifat layak dipercayai atau dalam bahasa cina iaitu *hsin* atau *xin* merupakan sifat yang penting kerana bukan mudah untuk memperoleh kepercayaan masyarakat terhadap diri kita. Kepercayaan yang merupakan teras dalam hubungan sesama manusia ini menjamin hubungan yang baik. Oleh itu, kita hendaklah mempunyai sifat ini agar disenangi masyarakat.

Dalam tamadun India, terdapat nilai-nilai etika yang baik yang mengajar kita bahawa nilai-nilai ini merupakan antara nilai yang penting untuk diamalkan oleh semua pihak. Antaranya ialah menghormati orang tua. Terdapat konsep “dewi ibu” iaitu konsep dimana tuhan itu dikatakan bersifat keibuan. Konsep ini mengajar kita bahawa kita hendaklah menghormati ibu kita kerana tuhan itu sendiri bersifat keibuan dalam tamadun India. Konsep tuhan fizikal juga mengatakan bahawa sekuat mana seseorang itu tidak sembahyang, ianya tidak bermaksud seseorang itu tidak menghormati kedua orang tuanya.

Selain itu, meraikan tetamu merupakan antara nilai etika yang harus diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Tamadun India menyatakan bahawa tetamu itu bersamaan dengan tuhan dari konsep “*atithi devo bhava*”. Walaupun tetamu yang mengunjungi rumah itu adalah seseorang yang mempunyai hubungan tidak rapat dengan kita, kita hendaklah menjemput tetamu itu masuk dan memberikan layanan yang baik terhadap tetamu itu. Nilai ini mengajar kita bahawa tetamu itu merupakan individu yang kita perlu hormati tidak kira mereka merupakan musuh kita.

Akhir sekali, nilai etika menjaga kebersihan juga merupakan antara nilai yang penting yang perlu diamalkan. Tamadun India menyatakan bukan sahaja kebersihan fizikal penting, malah kebersihan rohani iaitu kebersihan jiwa juga penting untuk semua individu. Makanan vegetarian juga dikaitkan dengan konsep kebersihan untuk mengelakkan penyeksaan kepada sebarang kehidupan alam kerana mereka beranggapan bahawa makanan daging dan hidupan laut itu tidak bersih. Oleh itu, kita hendaklah menjaga kebersihan dari segi fizikal diri, rohani jiwa serta dari segi makanan untuk menjamin diri kita bersih dan mudah didekati semua orang.

Dalam tamadun barat pula, terdapat nilai-nilai etika dari tamadun greek dan tamadun rom. Tamadun greek menyatakan kebaikan atau budiman merupakan nilai yang penting untuk diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Dalam perbincangan ahli falsafah Aristotle dan Plato dalam bab interaksi manusia dan alam telah menyentuh sifat budiman seseorang insan. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan kebaikan agar mudah didekati masyarakat dan mendapati kepercayaan.

Dalam tamadun rom pula, integriti peribadi merupakan ciri-ciri yang sangat penting jika ingin diterima dalam masyarakat. Antaranya nilai keperibadian mulia ialah kehormatan diri, kejujuran dan mengasihani. Kita hendaklah mempunyai semua sifat ini kerana kehormatan diri melambang personaliti diri kita sendiri. Kejujuran pula hendaklah diamalkan untuk memperoleh kepercayaan masyarakat dan akhir sekali nilai mengasihani merupakan nilai yang penting kerana nilai ini mendorong seseorang untuk berkorban, melindungi orang di sekeliling tanpa sebarang syarat.

Perbincangan yang terhad sesama ahli kumpulan merupakan antara faktor halangan dan cabaran yang dihadapi. Hal ini demikian kerana pandemik COVID-19 yang melanda seluruh bumi telah menyebabkan perbincangan yang dilakukan hanya di alam maya. Walaupun ia sukar untuk berbincang kerana tidak semua orang mempunyai capaian internet yang baik, namun tugas ini masih berjaya disiapkan.

BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL

Kesepaduan sosial dan perpaduan nasional merupakan aspek yang paling penting di dalam sesebuah negara kerana ia merupakan proses untuk menyatupadukan masyarakat. Konsep ini merupakan suatu proses yang berterusan yang boleh mencipta kesepaduan dalam masyarakat (Abdullah et. al, 2016). Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada agama dan kaum yang mempunyai budaya yang berbeza. Oleh itu, nilai-nilai yang dipelajari daripada bab ini haruslah diingati dan diamalkan dalam kehidupan harian kita. Nilai pertama yang dapat dipelajari daripada bab ini ialah nilai hormat-menghormati. Masyarakat Malaysia haruslah menghormati orang lain tanpa mengira warna kulit. Kita haruslah menghormati tradisi agama lain dan mendalami perbezaan budaya melalui komunikasi, pendidikan dan seni. Contohnya, kita boleh belajar untuk memasak makanan tradisional agama lain atau membuat kraf tangan tradisi kaum lain. Dalam pendidikan, guru haruslah membimbing pelajar supaya sentiasa berinteraksi dengan kaum lain di sekolah. Sebagai pelajar, kita haruslah berkomunikasi baik dengan ahli kumpulan lain walaupun ahli kumpulan terdiri daripada kaum yang berbeza. Selain itu, nilai yang dapat dipelajari ialah nilai toleransi. Kita perlulah mengamalkan sikap toleransi dan penerimaan untuk mengelakkan persefahaman yang dapat menjelaskan hubungan antara satu sama lain. Kita mestilah mengawal emosi kita dengan tidak menunjukkan reaksi yang negatif yang dapat menyakitkan hati orang lain atau menghina orang lain. Seterusnya, masyarakat hendaklah sentiasa bertolak ansur untuk menjalankan hubungan. Ini amat penting untuk menjalin hubungan kejiranan dan juga hubungan antara satu komuniti. Sebagai contoh, jiran yang berkaum Melayu boleh menjemput jiran yang berkaum lain untuk menyambut Hari Raya Puasa bersama-sama. Masyarakat mestilah mengamalkan amalan rumah terbuka kerana interaksi antara kaum adalah merupakan satu jalan ke arah perpaduan nasional dan mencetuskan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu (Hafina, Ismail., 2006).

Untuk mengekalkan keamanan sesebuah negara, masyarakat perlu saling mempercayai antara satu sama lain dan bekerjasama untuk berkorban demi kemajuan ekonomi dan kesejahteraan negara. Satu kajian ke atas komuniti penduduk tempatan dan orang luar telah dibuat di Pulau Labuan, Malaysia. Pulau Labuan terdiri daripada penduduk tempatan dan komuniti imigren yang mempunyai agama, etnik dan pekerjaan yang berbeza. Kajian tersebut menyatakan bahawa interaksi sosial antara penduduk tempatan dengan orang luar pada asasnya berlaku disebabkan

oleh faktor pekerjaan serta faktor penyertaan dan penglibatan dalam kegiatan komuniti (Bungsu, Aziz, 2016). Dengan ini, kita dapat melihat bahawa aktiviti pekerjaan dan aktiviti komuniti amat penting untuk merapatkan hubungan antara masyarakat. Selain itu, simbol-simbol seperti Rukun Negara, Lagu Negara dan Jata Negara memainkan peranan penting dalam kesepaduan nasional. Penggunaan simbol-simbol tersebut ibarat menjulang satu identiti kedaulatan negara yang menjadi pemangkin perasaan kekitaan bersama dalam kepelbagaian kumpulan etnik yang wujud di negara ini (Ismail et. al, 2016). Di samping itu, masyarakat juga perlu mempunyai sifat keterbukaan yang tinggi dalam penggunaan bahasa yang berbeza. Masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda perlu mempunyai semangat untuk belajar bahasa yang berbeza terutamanya bahasa kebangsaan dan banyak menggunakan supaya mewujudkan interaksi yang lebih luas antara kumpulan etnik yang berbeza. Pemimpin negara pula perlu mengamalkan nilai keadilan agar masyarakat berasa puas hati dan sentiasa mengamalkan nilai cinta akan Raja dan Negara dengan mematuhi peraturan dan tidak menyebabkan pergaduhan atau perpecahan yang dapat menjaskan keamanan negara.

Dari sudut intelektual, kita dapat mempelajari tentang kepentingan amalan etika dan moral dalam pembinaan kesepaduan nasional di Malaysia. Ilmu pengetahuan tentang etika dan moral yang telah diajar oleh ibu bapa dan guru atau daripada buku-buku haruslah sentiasa diingati di dalam hati. Bagi sesiapa yang mempunyai kefahaman yang terhad tentang kepentingan amalan etika dan moral haruslah banyak membaca dan banyak bertanya. Dengan ini, kita dapat belajar daripada kesalahan kita dan kesalahan tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan. Seterusnya, bab ini juga menunjukkan bahawa sejarah memainkan peranan yang penting dalam pembinaan kesepaduan nasional di Malaysia. Peristiwa 13 Mei adalah pengajaran yang tidak dapat dilupakan. Peristiwa ini ialah insiden rusuhan kaum yang berlaku dan kemuncak masalah perpaduan di Malaysia pada tahun 1969. Inilah pengajaran yang menasihati kita supaya sentiasa bersatu padu antara satu sama lain tanpa mengira kaum, agama dan budaya. Oleh yang demikian, kita perlu memahami sejarah negara kita supaya dapat mengelakkan kesalahan yang telah dilakukan pada zaman dahulu. Selain itu, masyarakat juga dikemukakan dengan Wawasan 2020 dan konsep 1Malaysia dengan tujuan untuk membentuk perpaduan yang lebih kuat. Pada hari ini, masyarakat kurang pengetahuan apa itu identiti negara. Mereka juga tidak pasti dengan dasar-dasar dan pendekatan negara seperti konsep 1Malaysia dan tidak pasti adakah 1Malaysia itu adalah satu identiti negara (Ismail et. al, 2016). Oleh itu, sebagai masyarakat Malaysia, kita

perlu memberi perhatian isu-isu semasa dan konsep-konsep atau undang-undang yang dikemukakan oleh kerajaan. Dengan ini, kita dapat bekerjasama untuk mencapai matlamat negara kita.

Dari sudut psikologi, kita haruslah belajar untuk mengawal emosi kita. Dengan emosi yang stabil, kita dapat membezakan sesuatu perkara itu betul atau salah dengan tepat. Dengan ini, kita tidak akan mudah mempercayai perkara yang palsu atau khabar angin yang tidak benar. Jika kita tidak mengawal emosi kita, kita akan mudah dipengaruhi oleh fakta-fakta yang tidak benar dan ini mungkin akan menyebabkan pergaduhan antara masyarakat. Contohnya, kita akan mudah mempercayai maklumat-maklumat di atas talian tanpa menganalisisnya dan menyalahkan orang lain dalam media sosial. Ini akan menyebabkan kemarahan orang lain dan pergaduhan akan berlaku. Dari sudut fizikal, kita boleh melakukan aktiviti senaman atau aktiviti gotong-royong untuk memupuk perpaduan rakyat Malaysia. Hubungan antara komuniti dipengaruhi oleh faktor komunikasi. Oleh itu, komunikasi fizikal dan komunikasi manusia berperanan menghubungkan manusia dari satu lokasi ke lokasi lain. Seterusnya, pegangan agama amat penting dalam kesepaduan nasional. Walaupun masyarakat Malaysia terdiri daripada agama yang berlainan, tetapi jika setiap orang membentuk keperibadian dan jati diri individu ke arah yang lebih baik mengikut nasihat-nasihat agama masing masing, negara akan menjadi lebih harmoni dan aman damai. Dengan jati diri yang baik, masyarakat dapat berinteraksi di antara satu sama lain dalam melakukan satu matlamat yang sama demi kemajuan dan keamanan negara.

Cabarannya yang dihadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah kurang sumber untuk mencari maklumat dan rujukan. Pada masa COVID-19 pandemik ini, kita tidak dapat mencari sumber seperti buku-buku dari perpustakaan di dalam universiti. Walaubagaimanapun, kita dapat mencari sumber seperti jurnal dan berita secara atas talian dan menjadikannya sebagai rujukan kita dalam tugas ini. Selain ini, kumpulan kita tidak dapat membincang tugas ini secara bersemuka. kita menggunakan media sosial seperti ‘whatsapp’ untuk berkomunikasi dan membuat perbincangan tentang tugas ini.

BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA

& PERADABAN DI MALAYSIA

Antara nilai-nilai murni yang boleh didapati dalam subjek ini adalah taat kepada pemimpin dan sayangkan kedaulatan negara. Subjek ini telah mengajarkan saya nilai sesebuah perlembagaan yang bagi sesebuah negara yang berdaulat. Perlembagaan Malaysia adalah suatu undang-undang tertinggi negara Malaysia yang telah didrafkan secara terperinci dengan campur tangan semua pihak dari pelbagai kaum dan perlu dipatuhi oleh semua rakyat yang bernaung dibawah benderanya. Perlembagaan ini bukan sahaja mengukuhkan dan mempertahankan kedudukan tradisi sosio politik yang telah lama diamalkan di negara kita, malah mengukuhkan hubungan dan perpaduan antara semua kaum di negara kita.

Sangat unik perlembagaan negara kita. Bukan sahaja disebabkan sejarah penubuhannya yang rumit tetapi juga mewujudkan keamanan antara kaum melalui proses demokrasi yang adil. Ia dianggap seperti satu tempat kebergantungan hidup kepada setiap warganegara Malaysia supaya diberikan hak yang sewajarnya dalam hidup bernegara. Seharusnya kita sebagai seorang rakyat yang bertanggung jawab.

Bermula dengan Hukum Kanun Melaka, yakni merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang pernah wujud di Tanah Melayu dahulu dan dikuatkuasakan oleh kerajaan Kesultanan Melayu Melaka sejak tahun 1424 lagi. Begitu lama ia telah digunakan sebagai teras undang-undang kerajaan Melayu terdahulu sebelum munculnya takrifan perlembagaan yang ditetapkan oleh sarjana perundangan moden seperti Hood Phillip & Jackson. Malah, sebelum itu lagi, Kesultanan Melayu Melaka sudah ada undang-undang yang tidak bertulis iaitu adat Melayu, Wa'adat Sang Sapurba (Konsep taat setia Melayu klasik) dan titah Diraja. Apabila Islam mula tersebar di Nusantara, barulah al-Quran dan al-Sunnah menggantikan tempat sumber perundangan Melaka Tua sebagai sumber perundangan tertinggi.

Tahun berganti tahun, dekad berganti dekad. Undang-undang kita sering ditukar dan diubahsuai disebabkan ancaman kuasa-kuasa luar yang menganggap diri mereka sebagai penyelamat kepada bangsa-bangsa “tidak bertamadun”. Sejarah tidak mungkin berulang, namun

kesilapan dan kelalaian manusia merupakan salah satu kelemahan manusia. Penjajahan oleh kuasa luar ternyata akan menjahannamkan sesebuah tamadun tersebut. Kita lihatlah kesemua tamadun manusia yang pernah berdiri suatu ketika dahulu, kini hanya ditemukan beberapa cebisan sahaja dan hampir atau telah pun pupus di lembaran sejarah. Kita lihat tamadun Aztec dihancurkan Sepanyol pada 1521. Mengapa? Sebab Aztec bangkit sebagai empayar agung sezaman dengan Kesultanan Melayu Melaka di Amerika Tengah (Mexico) yang mempunyai kota Tenochtitlan yang megah musnah dijilat api oleh penjajah Sepanyol. Walaupun begitu, Tanah Melayu masih mampu menangkis semua serangan pihak luar dengan menggunakan sistem perundangan yang mantap. Taktik pemerintah terdahulu berjaya menghindarkan apa-apa bentuk penjajahan berlaku untuk beberapa waktu sebelum dijajah oleh Portugis (tahun 1909), Belanda (tahun 1597), British (tahun 1600) dan Jepun (tahun 1942).

Bersyukur kepada hadrat Ilahi yang telah melahirkan kita di dalam dunia Islam. Termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 3 (1) iaitu “Islam ialah agama rasmi persekutuan tetapi agama-agama lain lain boleh diamalkan secara aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan”. Hasil tolak ansur kesemua kaum semasa proses kemerdekaan tanah air, agama Islam dijulung tinggi tetapi ia tidak menghalang agama lain daripada diamalkan. Sesungguhnya, dalam perlembagaan dengan jelas menyebutkan negara ini negara Islam. Sesungguhnya, YDP Agong merupakan ketua agama Islam dan telah pun bersumpah dan berikrar untuk memelihara agama Islam di persekutuan ini. Bila-bila masa pun di negara kita sekarang ini, kita perlu pastikan Islam terbela, institusi Islam tidak boleh dipinggirkan. Institusi pondok seharusnya mendapat bantuan penuh oleh kerajaan. Sebab ini negara Islam. Perlembagaan sendiri membenarkan negara ini, menggunakan wang negara dan membiayai institusi-institusi islam. Itu hak warganegara Islam dalam perlembagaan. Golongan lain tiada hak sejelas ini dalam perlembagaan. Sekolah venakular tiada hak, sekolah agama lain tiada hak. Hanya institusi Islam sahaja mempunyai hak.

Subjek ini amat menyentuh hati. Banyak ilmu yang terkandung di dalam subjek ini menyimpulkan perihal keutamaan rakyat untuk mendaulatkan institusi Raja Berperlembagaan di samping menerapkan sikap cinta akan negara. Namun begitu, perlu ingat peribahasa “air yang tenang jangan disangka tiada buaya”. Terlalu banyak pihak yang berhasad dengki dengan

keharmonian negara kita. Mereka bertungkus-lumus membuat pelbagai agenda yang merosakkan pemikiran anak muda dengan pelbagai kempen, slogan dan pertubuhan tertentu.

Kita liatlah apa yang berlaku di beberapa universiti tempatan dimana pertubuhan-pertubuhan yang bernama UMANY, Student Progressive Front, Gerakan Mahasiswa Maju dan Student Union yang dikenali sebagai gerakan anti-raja. Sebagai contoh, UMANY telah bersuara lantang mempertikaikan Yang di-Pertuan Agong campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan sambil melaungkan slogan “We stand with Thailand” sebagai simbol mengikuti perjuangan rakyat Thailand menghapuskan sistem beraja di Thailand.

Kita lihat lihat “pejuang” negara kita bernama Nisya Ayub. Beliau seorang warganegara yang amat tekun dan selalu berusaha bersungguh-sungguh sehingga berjaya dianugerahkan Pingat Keberanian Wanita oleh kedutaan Amerika Syarikat pada tahun 2016 atas usaha murninya mengetuai dan memperjuangkan hak asasi golongan transgender di seluruh Malaysia yang berjumlah melebihi 70,000 ahli. Beliau menubuhan menyertai Pertubuhan Pembangunan Kebajikan dan Persekutaran Positif Malaysia (SEED) dan aktif membantu memperjuangkan hak asasi manusia di Malaysia dan mempertikaikan sistem perundangan mahkamah yang sering kali merujuk hukum-hakam Islam dan undang-undang Syariah dalam menghukum golongan mereka. Mereka menyuarakan pendapat bahawa Undang-Undang Syariah tidak sah dari segi perlembagaan kerana temaktub dalam Perlembagaan Malaysia Artikel 5(1) bahawa Perlembagaan Persekutuan perlu memastikan hak kebebasan asasi rakyat Malaysia.

Dugaan kita sebagai rakyat Malaysia semakin lama semakin hebat dek proses globalisasi yang membawa arus pemodenan ke dalam negara kita. Kesemua ideologi berkonsepkan ketuhanan yang menjadi punca utama kemegahan tanah air terdahulu ditukar ganti dengan pemikiran materialistik. Adad-adab, etika, petua dan pesanan orang tua dan alim ulama ditinggalkan manakala budaya berkonsepkan duniawi dimartabatkan. Kepentingan kaum atau puak (Assobiyah) semakin rancak dan perpaduan antara kaum semakin lemah. kita amat cintakan kepada tanah air kita. kita doakan kedamaian dan keharmonian negara ini akan kekal dan berpanjangan sehingga anak cucu kita dapat merasainya sendiri bertapa bernilainya tanah air kita.

Terlampau banyak ilmu yang boleh didapati di internet yang tidak benar dan tidak ditulis oleh orang yang berautoriti. Negara kita sering diancam kehancuran kerana kelemahan parti politik dalam pengawasan yang penuh terhadap mereka yang cuba menghuru-harakan negara. Oleh itu, sebilangan besar artikel mengenai isu-isu semasa yang terdahulu tergantung dan tidak relevan untuk dimasukkan ke dalam laporan ini. Terdapat juga artikel yang berkaitan dengan negara kita tetapi tidak dinukilkan dimana-mana akhbar atau majalah tempatan dan hanya bergantung kepada pandangan peribadi penulis sahaja.

BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA

& KOMUNIKASI KONTEMPORARI

Antara nilai-nilai murni, moral, kualiti serta kemahiran yang kita dapat belajar daripada bab ini ialah berfikir sebelum bersuara. Pada era globinasasi ini, hak kebebasan bersuara amat dipentingkan oleh masyarakat di seluruh dunia. Hak kebebasan bersuara merujuk kepada hak terhadap individu dalam menyampaikan fikiran ataupun idea seseorang itu melalui pelbagai saluran atau bentuk seperti secara lisan, tulisan, slogan, lakonan atau ekspresi tanpa batasan maupun tapisan dari mana-mana pihak. Bagi memastikan hak kebebasan bersuara ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menjalankan kegiatan jenayah, undang-undang telah ditetapkan agar dapat mengawal hak ini dipergunakan secara jujur dan baik. Di Malaysia, undang-undang mengenai hak kebebasan bersuara adalah terkandung dalam Perkara 10 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) – setiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara”. Terdapat juga beberapa etika dalam amalan kebebasan bersuara, antaranya tidak mengkritik atau menyentuh perkara-perkara sensitif seperti isu agama dan sensitiviti kaum, tidak menyentuh mana-mana isu yang akan mungugat keamanan negara dan tidak menyebarkan apa-apa berita ataupun maklumat yang palsu atau belum mendapat kesahihan. Namun begitu, terdapat juga banyak orang yang menyalahgunakan hak kebebasan bersuara dalam penyebaran berita palsu melalui media sosial. Penyebaran berita palsu banyak berlaku sewaktu penjalanan Peraturan Kawalan Pergerakan (SOP) kebelakangan ini, ini telah menyebabkan risau dan panik dalam kalangan masyarakat walaupun pihak berkuasa telahpun menjelaskan kesahihan berita-berita palsu ini. Bukan itu sahaja, terdapat juga orang yang menyalahgunakan hak kebebasan bersuara dalam memburukkan individu lain di sosial media ataupun secara bersemuka, inilah salah satu jenis pembulian. Oleh itu, jelaslah kesan hak kebebasan bersuara yang disalahgunakan adalah amat buruk sekali.

Dari sudut intelektual, kita wajarlah berfikir sebelum bersuara tentang sesuatu perkara tanpa mengira perkara tersebut adalah kecil ataupun besar dan penting. Dengan pemikiran yang matang, kita dapat membezakan kesahihan sesuatu perkara secara rasional dan juga membuat

analisis sendiri sebelum mengeluarkan sebarang idea ataupun fikiran. Bukan itu sahaja, kita juga perlu mempunyai pemikiran sendiri agar tidak mudah terikut dengan trend-trend yang banyak terdapat dalam sosial media tanpa menganalisis benda tersebut adalah betul atau salah. Jika semua individu dalam masyarakat ini mempunyai pemikiran sendiri yang rasional serta matang, malah tidak akan berlakunya penyebaran berita atau informasi palsu serta perbuatan jenayah cyber yang menyalahgunakan hak kebebasan bersuara ini. Selain itu, dari segi psikologi, kita perlulah menjaga kesihatan mental kita dalam era teknologi ini di mana macam-macam informasi mudah diperoleh melalui media massa, termasuklah informasi yang bersifat negatif terhadap minda dan akhlak kita. Dengan kemudahan internet serta media sosial, seseorang boleh menyalurkan fikirannya kepada masyarakat dengan mudahnya, bahkan fikiran atau idea tersebut boleh mendatangkan impak negatif kepada pihak lain seperti memburukkan nama individu lain melalui media sosial secara anonymous. Ini akan mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan mental mangsa yang terkena cyber buli itu. Oleh itu, kita sebagai pengguna media sosial patutlah mempunyai cara pemikiran yang rasional dan etika yang betul semasa mengongsikan atau memberikan komen terhadap sesuatu perkara.

Antara cabaran yang kita hadapi semasa proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini ialah cabaran dalam berkomunikasi. Ini disebabkan kita masih berada dalam tempoh Peraturan Kawalan Pergerakan, jadi kita tidak dapat berjumpa dan menjalankan perbincangan secara bersemuka. Oleh itu, kita hanya dapat berkomunikasi secara atas talian melalui aplikasi media sosial seperti Whatsapp, ini menambahkan kesusahan dalam komunikasi.

BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Tanggungjawab sosial bermaksud kerangka etika dan ketamadunan yang meletakkan semua pihak untuk mempunyai kewajipan untuk bertindak bagi kepentingan masyarakat secara keseluruhan. Dalam tajuk ini, terdapat pelbagai moral, nilai murni, kualiti serta kemahiran yang telah diselitkan. Antara yang utama ialah tanggungjawab sosial itu sendiri kerana ia merupakan sebahagian daripada etika. Hal ini demikian kerana individu perlu bertanggungjawab untuk memenuhi tugas kewarganegaraan mereka. Seseorang individu itu juga perlu mengutamakan kepentingan masyarakat, negara serta kesejahteraan sosial. Hal ini dapat memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan kebajikan masyarakat yang adil dan pemeliharaan alam sekitar yang baik.

Selain itu, sifat amanah juga merupakan antara nilai murni yang sangat penting bagi menjaga kepentingan masyarakat. Sifat ini dapat dibahagikan kepada enam sifat iaitu jujur dan berterus-terang, cekap, tekun, teliti, setia dan menyimpan rahsia. Sifat-sifat ini hendaklah ditanam dalam setiap diri individu untuk menjamin keharmonian antara masyarakat. Hal ini demikian kerana sifat yang berlawanan seperti menipu, berdalih dan bercakap bohong dapat menimbulkan kesan serta situasi yang buruk seperti salah faham antara dua pihak. Seterusnya, terdapat nilai-nilai etika dari sudut Islam juga seperti nilai kesungguhan, ketekunan, ketelitian, kekeluargaan, kasih sayang, muafakat dan kebajikan. Kesemua nilai ini memainkan peranan yang penting dalam membina hubungan yang baik antara individu, keluarga dan masyarakat dengan lebih erat.

Dalam bab ini juga terdapat beberapa nilai yang digariskan dalam Islam dalam memelihara alam sekitar. Antaranya ialah *tawazun* (keseimbangan), *nasim* (kesegaran, kesuburan, alam yang sihat dan tidak tercemar atau musnah), *jamal* (keindahan atau kecantikan, alam yang sentiasa dipelihara, dijaga dengan baik), *qanaah* (berpada-pada atau tidak berlebihan seperti tidak mengekplotasi alam secara berlebihan), *mahabbah* (sentiasa mengasihi manusia dan makhluk lain), *ihsan* (sentiasa berhati-hati dan berwaspada kerana Allah melihat tindakan kita)

dan *taawun* (tolong menolong, iaitu masyarakat yang bersama-sama berusaha menjaga alam sekitar dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama). Kesemua nilai ini memberi kesan yang positif terhadap alam sekitar supaya ia kekal seperti keadaan asal. Isu banjir kilat yang melanda bumi Malaysia pada masa sekarang merupakan kesan buruk kerana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tidak mengamalkan nilai-nilai etika ini. Eksplotasi alam secara haram iaitu pembalakan yang dijalankan hanya untuk memenuhi kepentingan diri sendiri demi keuntungan yang lumayan telah memberi kesan banjir ini.

Sepanjang proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini, terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang timbul. Antaranya ialah cabaran dalam membuat diskusi sesama ahli kumpulan. Disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda bumi pada masa sekarang ini, ia telah menghalang pelajar daripada pulang ke kampus. Oleh itu, perbincangan tentang tugas ini hanya dijalankan dalam aplikasi ‘WhatsApp Messenger’ sahaja. Hal ini telah menyebabkan perbincangan tentang tugas ini adalah terhad kerana ia berlaku dalam alam maya.

BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN

Keterlestarian etika dan peradaban merupakan konsep yang memberi kekuatan dalam pembentukan Malaysia. Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Penghayatan etika dan peradaban merupakan tanggungjawab sosial pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Sesebuah negara mengalami banyak cabaran untuk mencapai keterlestarian etika dan peradaban terutamanya pada masa globalisasi ini. Oleh itu, terdapat banyak nilai yang perlu kita mengamalkan dalam kehidupan harian supaya etika-etika dan peradaban tidak akan dilupakan. Antara nilai yang dapat dipelajari daripada bab ini adalah nilai cinta akan negara dan taat kepada raja dan negara. Keterlestarian etika dan peradaban dipengaruhi oleh cabaran politik. Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah taat kepada pemerintahan dan undang-undang negara. Dengan ini, konflik antara kaum dalam bidang politik dapat dielakkan. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu contoh dan pengajaran yang menasihati kita supaya tidak bergaduh antara satu sama lain apabila kita berasa tidak puas hati dengan isu-isu politik. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan nilai hormat-menghormati dan nilai toleransi. Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Sikap saling menghormati dan bertoleransi dapat memupuk perpaduan rakyat Malaysia. Tindakan yang bermoral seperti saling bertegur sapa dan saling menolong antara satu sama lain haruslah kita amalkan demi mencapai kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial merupakan salah satu langkah untuk mencapai keterlestarian etika dan perbadanan.

Di samping itu, nilai kerjasama juga amat penting dalam bidang ekonomi. Kita tidak boleh bersikap mementingkan diri dan tidak memberi bantuan kepada orang lain. Apabila kita mengalami masalah dalam sesuatu pekerjaan, kita haruslah berganding bahu antara satu sama lain untuk mencari cara penyelesaian. Dengan ini, semua orang dapat mencapai matlamat dan mendapat keperluan dan kehendaknya. Selain itu, cabaran sosial memberi impak yang besar dalam keterlestarian etika dan peradaban. Hal ini demikian kerana rakyat Malaysia mengamalkan budaya yang berbeza dan persefahaman mudah diwujud dan menyebabkan pergaduhan. Oleh itu, kita perlu bersifat keterbukaan dengan menerima budaya kaum lain. Kita haruslah memahami bahawa setiap agama dan budaya mempunyai ilmu yang perlu kita pelajari dan kita tidak boleh menghina agama lain dengan mengatakan agama kaum lain itu salah. Sebaliknya, kita perlu berkongsi ilmu yang kita perolehi dalam agama masing-masing kepada agama lain. Selain

daripada agama, kita juga perlu mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan. Dengan ini, komunikasi antara masyarakat akan menjadi lebih lancar dan luas. Seterusnya, kita perlu mengamalkan nilai keadilan terhadap setiap orang. Sebagai contoh, orang miskin dan orang kurang upaya mempunyai taraf kedudukan yang sama dengan kita.

Dari sudut intelektual, kita perlu menunjukkan kecintaan dan bersikap bersemangat terhadap ilmu dan pengetahuan dalam agama dan etika-etika yang dipelajari daripada kehidupan harian. Nasihat-nasihat dan pengajaran yang dipelajari perlu diingati. Seterusnya, kita juga perlu belajar sejarah negara kita dengan teliti. Sejarah telah merekodkan banyak ajaran tokoh-tokoh yang telah berkorban kepada negara kita serta peristiwa yang memberi pengajaran yang berharga. Kita haruslah bersyukur kerana kita amat bertuah untuk dilahirkan di Malaysia yang aman damai atas pengorbanan tokoh-tokoh negara. Oleh itu, kita perlu menghayati etika-etika dan membentuk personaliti individu ke arah yang baik untuk menjamin tanah air kita. Selain daripada ajaran agama, kita juga perlu memberi perhatian kepada isu-isu semasa terhadap alam sekitar di negara kita. Nilai cinta akan alam sekitar dan memelihara alam sekitar haruslah diamalkan. Cara memelihara alam sekitar seperti amalan 3R haruslah dilaksanakan setiap hari. Dengan ini, pencemaran udara, air dan tanah dapat dikurangkan. Ini dapat memberi kebaikan kepada diri kita kerana kita dapat hidup dalam keadaan yang sihat dan ceria.

Dari sudut psikologi, kita perlu mempunyai jati diri yang kukuh. Psikologi seseorang atau satu komuniti dan perubahan globalisasi merupakan cabaran yang besar dalam mencapai keterlestanian etika dan peradaban. Kita mestilah berpegang teguh dengan ajaran agama. Dengan ini, kita tidak akan mudah dipengaruhi oleh pengaruh luar pada masa globalisasi ini. Dengan jati diri yang kukuh dan kuat, kita akan mempunyai minda yang jelas dan dapat berfikiran secara positif dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada negara kita.

Semasa menjalankan tugas ini, kita mengalami beberapa cabaran. Yang utamanya, cabaran menjalankan tugas berkumpulan sewaktu tempoh pandemik ini. Oleh sebab pandemik covid-19 semakin teruk, pihak kerajaan telah memberi arahan agar menjalankan Peraturan Kawalan Pergerakan di seluruh Malaysia. Hal ini menyebabkan kita tidak boleh mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka macam biasa, alternatif yang kita ambil ialah menjalankan pembelajaran secara atas talian melalui panggilan video telefon dengan aplikasi ‘Webex’ serta ‘Google Meet’. Jadi, kita hanya boleh berkomunikasi antara satu sama

lain menggunakan media sosial seperti Whatsapp. Ini menambahkan kesusahan kita dalam menjalankan perbincangan kerana faktor teknikal seperti kelajuan internet tidak dapat dikawal. Selain itu, informasi yang dapat kita peroleh juga agak terhad sebab kita tidak dapat akses perpustakaan yang berada di kampus. Segala informasi yang kita dapat adalah melalui internet, persoalannya kesahihan informasi tersebut adalah tidak pasti.

RUJUKAN

Hanafi, F. and Ismail, M.Z., 2006. Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

ABDULLAH, M.Y., SAAD, S., BAKAR, J.S.N.R.A., AWANG, A.H. and LIU, O.P., 2016. MEMAHAMI KESEPADUAN SOSIAL DI SEMPADAN MENERUSI LENSA KOMUNIKASI. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1).

Bungsu, M.S. and Aziz, R.A., 2016. MEMPERKUKUH KESEPADUAN SOSIAL: KAJIAN KE ATAS KOMUNITI PENDUDUK TEMPATAN DAN ORANG LUAR (WARGANEGARA) DI PULAU LABUAN, MALAYSIA (Strengthening social cohesion: A study of the locals and outgroups (citizens) in a community in Pulau Labuan, Malaysia). *e-Bangi*, 13(2).

Ismail, M.M., Lee, Y.F., Ku Hasnita, K.S., Zatul, H.A., Abdullah, A. and Bing, S., 2016. Tafsiran harian identiti nasional: Pandangan akar umbi. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), pp.20-27.

BACKER, A.J. (2019). *Meremehkan Pandangan Agama*. [online] Sinarharian. Available at: <https://www.sinarharian.com.my/article/32878/KOLUMNIS/Meremehkan-pandangan-agama> [Accessed 11 Jan. 2021].

DUSUKI, D.A.W. (2020). *Halal Itu Satu Amanah*. [online] Sinarharian. Available at: <https://www.sinarharian.com.my/article/116765/KOLUMNIS/Halal-itu-satu-amanah> [Accessed 11 Jan. 2021].

GHANI, M.S.A. (2013). *Ayah Ammar: “Kematian Yang menghidupkan.”* [online] Sinarharian. Available at: <https://www.sinarharian.com.my/politik/ayah-ammar-kematian-yang-menghidupkan-1.226582> [Accessed 11 Jan. 2021].

Halid, A. (2020). “Wa”, “Lu”, “kencing”, “Bro” Dan Tersalah emoticon: Cabaran Kesantunan Dalam Media Sosial. [online] Astroawani.com. Available at: <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/wa-lu-kencing-bro-dan-tersalah-emoticon-cabaran-kesantunan-dalam-media-sosial-197277>.

NAWI, R.M. (2020). *Budak 12 Tahun Disyaki Liwat Anak Saudara Berusia 4 Tahun*. [online] Utusan Digital. Available at:
<https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/budak-12-tahun-didakwa-liwat-anak-saudara-usia-4-tahun/> [Accessed 11 Jan. 2021].

SERPIH, A.P. (2020). *Isu Daging Puncanya Rasuah*. [online] Sinarharian. Available at:
<https://www.sinarharian.com.my/article/116787/SUARA-SINAR/Awang-Paku-Serpih/Isu-daging-puncanya-rasuah> [Accessed 11 Jan. 2021].

Liaw Yock Fang. 2003. Karya Agung: Undang-Undang Melaka, Hassan Ahmad (pnyt.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, hlm. 29-143.

PHILLIPS, O. H., & JACKSON, P. (1987). *O. Hood Phillips' Constitutional and administrative law*. London, Sweet & Maxwell.

Smith, M.E., 1997. Life in the Provinces of the Aztec Empire. *Scientific American*, 277(3), pp.76-83.

Mohamad, A.N.A., 2017. RELEVANSI PERKARA 3 (1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA DALAM KEMAJMUKAN MASYARAKAT MALAYSIA. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 1(1), pp.30-44.

Bernama, (2019, Julai 30), Ikrar Al-Sultan Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16. *Berita Harian*.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/590624/ikrar-al-sultan-abdullah-sebagai-yang-di-pertuan-agong-ke-16>

Astro Awani. (2019, Julai 29). Ikrar Sultan Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke -16. *Youtube*.

<https://www.youtube.com/watch?v=5WiyYffFr1Kg>

Safina, (2020, November 1). Siasat gerakan anti-raja berselindung disebalik nama demokrasi. *ismaweb*.